

16/12/1999

Nama ahli Umno belot dikemuka untuk tindakan

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Rabu - Satu senarai ahli Umno, dipercayai lebih 100 orang yang belot terhadap parti itu dengan menyokong pembangkang pada pilihan raya umum lalu, akan dikemukakan kepada Majlis Tertinggi (MT) yang bermesyuarat Ahad ini untuk tindakan disiplin, termasuk dipecat.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno di sini hari ini, sudah meneliti senarai nama itu dan akan membuat syor kepada MT mengenai bentuk tindakan yang perlu diambil.

Antara bentuk tindakan yang boleh diambil selain pemecatan ialah penggantungan keahlian dan surat tunjuk sebab.

Bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat kira-kira dua jam itu, Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata senarai yang panjang itu dikemukakan oleh bahagian parti dari seluruh negara.

"Mereka ini dikatakan menyokong pembangkang dalam pelbagai cara, termasuk menjadi calon pembangkang atau wakilnya meskipun masih menjadi ahli Umno, sebagai saksi atau penyokong calon, berceramah menghentam Umno dan memasang poster pembangkang.

"Namun, untuk berlaku adil, kita kena periksa semula sama ada benar mereka bertindak demikian. Mungkin mereka ini dianiaya dan sebab itu juga kita akan minta mereka memberi penjelasan seperti melalui surat tunjuk sebab," katanya.

Mesyuarat di ibu pejabat Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) itu turut dihadiri seorang lagi Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak dan Ketua Penerangan Umno, Datuk Dr Yusuf Nor.

Khalil yang juga Menteri Penerangan, bagaimanapun enggan memberitahu jumlah ahli yang terbabit, tetapi mengesahkan tidak ada ketua bahagian yang terbabit.

"Walaupun jumlahnya ramai, kita akan syorkan kepada MT Umno supaya memeriksa dulu kerana kita tidak boleh terus mengambil tindakan tanpa kita sendiri mengetahui.

"Separuh (daripada jumlah itu) kita belum dapat kenal pasti dengan jelas. Kita kena tanya balik. Jadi ini lebih berbentuk proses untuk mengetahui sejauh mana tahap kesalahan dari segi kempen (untuk pembangkang).

"Kita cuma membuat syor dan hanya MT boleh putuskan bentuk tindakan disiplin hanya akan diambil. Kita akan mengkaji secara mendalam tetapi yang paling ketara ialah menjadi calon pembangkang," katanya.

Bagaimanapun, beliau juga enggan mengulas ketika ditanya sama ada sebahagian besar daripada ahli dalam senarai itu membabitkan ahli Umno Terengganu.

"Sebenarnya, ini masih di peringkat awal. Memang biasa selepas pilihan raya, bahagian akan menulis kepada ibu pejabat seperti nama ahli yang menyokong pembangkang atau mereka yang dianggap tidak membantu jentera parti.

"Bahagian yang sebenarnya lebih mengetahui kerana mereka yang menggerak jentera parti dan berdepan dengan parti lawan sepanjang kempen," katanya.

Mengenai agenda untuk mesyuarat MT Ahad ini, beliau berkata perbincangan akan berkisar kepada laporan mengenai pilihan raya yang diterima dari bahagian selain amanat Presiden, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)